


سَمبوتن هاري بليا كبڤساان

SAMBUTAN
HARI BELIA KEBANGSAAN
KE-19, TAHUN 2024



2 SAFAR 1446
7 OGOS 2024

PUSAT PERSIDANGAN
ANTARABANGSA
BERAKAS



كَمْتَرِين كِبُوايَاان، بَلِيَا دَان سَوَكِن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM





بليا كيت ماس دقن كيت

Our Youth Our Future



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-18, TAHUN 2023

PADA HARI SELASA
14 MUHARAM 1445 / 01 OGOS 2023

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat sama-sama berkumpul untuk menghadiri Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-18 pada pagi ini.

'Belia dan Negara Berpisah Tiada'. Ungkapan ini dilihat sangat relevan dengan Golongan Belia yang merupakan peneraju negara.

Golongan belia turut membuktikan bahawa mereka adalah agen perubahan masa depan dan mampu untuk merealisasikan 'Aspirasi Negara' menjelang tahun 2035.

Oleh itu, sambutan Hari Belia Kebangsaan pada setiap 1 Ogos adalah merupakan pengiktirafan kepada sumbangan, pengorbanan, pencapaian dan kejayaan golongan belia dalam pembangunan negara.

Beta juga melihat, sumbangan golongan belia itu boleh merangkumi banyak bidang, seperti bidang ekonomi, digital, inovasi sosial, agri-bisnes, industri kreatif, sukarelawan dan kemasyarakatan, bahkan juga penggubalan dasar.

Golongan Belia juga sudah dilihat mempelopori pelbagai bidang keusahawanan sama ada dari Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana. Beta difahamkan, lebih kurang 17 ribu belia adalah berdaftar di bawah bahagian Pendaftaran Syarikat dan Nama Perniagaan (ROCBN).

Perkembangan ini sangatlah memberangsangkan. Sayugia juga para belia dikehendaki lebih berani untuk tampil ke hadapan dan keluar dari *comfort zone* dengan mengorak langkah lebih jauh bagi menembusi dan menguasai pasaran serantau dan antarabangsa, yang banyak menawarkan peluang dan cabaran untuk memanfaatkan platform-platform yang telah disediakan oleh pihak kerajaan melalui beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman dengan beberapa buah negara untuk memudahkan kerjasama dalam bidang-bidang perniagaan dan pelaburan.

Dari aspek kepimpinan, Beta menyambut baik penglibatan aktif belia dalam dialog dan penggubalan dasar di peringkat kebangsaan mahupun serantau. Kerajaan akan terus menyediakan platform-platform yang berkesan seperti Kongres Belia dan *Youth Town Hall* serta penglibatan dalam forum dasar serantau sebagai ruang untuk menyuarakan idea bernas dan 'Aspirasi Belia'.

Baru-baru ini, kita berbangga dengan kejayaan belia kita memenangi *ASEAN Prize Award* buat pertama kalinya. Di samping itu, atlet-atlet belia juga berjaya mengharumkan nama negara dengan meraih pingat dalam kejohanan sukan prestasi tinggi pada kejohanan Asia Tenggara (SEA Games) Ke-32 dan ASEAN Para Games Ke-12, di Kemboja.

Walau begitu, adalah diingatkan, dalam mengejar kejayaan, golongan belia hendaklah tetap mengekalkan ciri-ciri kebruneian 'Berakhlak Mulia', dengan mematuhi dan menghormati hukum-hukum ugama dan Undang-Undang.

Kita tidak perlu merasa rendah diri atau terpinggir jika tidak menyertai satu-satu jenis sukan yang tidak dibenarkan oleh Ugama atau Undang-Undang. Inilah prinsip Brunei.

Untuk akhirnya, dan bersempena dengan Hari Belia kebangsaan ini, Beta tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka untuk sama-sama membangun dan memajukan negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SEKAPUR SIRIH



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ
أَشْرَفَ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah subhanahu wa taala atas limpah, rahmat dan izin-Nya jua, Negara Brunei Darussalam pada tahun ini dapat menyambut Hari Belia Kebangsaan Ke-19.

Dalam kesempatan ini, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-19, Tahun 2024 dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan ini, dan seterusnya berkenan mengurniakan titah, menyempurnakan pengurniaan anugerah dan berangkat bagi menyaksikan pameran.

Pameran Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini berkonsepkan **“Belia Berwawasan”** yang antara lainnya mengetengahkan mengenai sumbangan belia sama ada melalui aktiviti-aktiviti persatuan atau pergerakan mahupun individu yang menjurus kepada pengukuhan budaya perpaduan seterusnya mendukung Wawasan Brunei 2035. Pameran ini juga turut mengetengahkan aktiviti-aktiviti yang mengupayakan ke arah mencapai matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 – 2035, iaitu melahirkan belia bertaraf dunia, berakhlak mulia, siaga masa depan serta pembangunan negara secara inklusif. Oleh yang demikian, pameran ini menumpukan kepada **empat fokus utama**, iaitu **Ilmu dan Kemahiran, Kualiti Hidup yang Tinggi, Pembangunan Mampan** dan **Projek Cemerlang untuk Belia**.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini masih mengekalkan tema **“Belia Siaga Masa Depan”** dengan tetap mengangkat kepentingan peranan belia sebagai tonggak utama negara dalam menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa depan. Golongan belia merupakan pemacu kepada kemajuan dan pembangunan negara yang terdiri daripada belia-belia berpendidikan tinggi, bersahsiah serta berpegang teguh kepada ajaran agama Islam, di samping memiliki kemahiran, berinovatif dan kreatif.

Alhamdulillah, sepertimana jua sambutan pada tahun-tahun sebelum ini, acara kemuncak Sambutan Hari Belia Kebangsaan ialah penganugerahan anugerah sebanyak empat kategori, iaitu **Anugerah Belia Cemerlang, Anugerah Belia Berkhidmat, Anugerah Pemimpin Muda Belia** dan **Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia**. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada penerima-penerima anugerah dan diharap penganugerahan ini akan menjadi inspirasi kepada generasi belia di negara ini khususnya agar terus aktif dalam menyumbang khidmat dan bakti kepada masyarakat dan negara.

Akhirnya, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-19, Tahun 2024, Ahli Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2024 dan rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sama ada dari sektor kerajaan mahupun sektor swasta dalam sama-sama menjayakan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-19, Tahun 2024. Semoga usaha baik dan murni ini akan mendapat ganjaran yang setimpal dan pahala yang berlipat ganda daripada Allah subhanahu wa taala jua.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DATO SERI SETIA HAJI AWANG NAZMI BIN HAJI AWANG MOHAMAD

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi

Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-19, Tahun 2024

IKRAR BELIA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Dengan bersyukur
Ke hadrat Allah subhanahu wa taala
Kami Belia
Negara Brunei Darussalam
Berikrar
Taat kepada Allah
Setia kepada Raja
Cinta kepada Negara
Mendukung kepimpinan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Mempertahankan kedaulatan
Negara Brunei Darussalam
Sebagai Negara Melayu Islam Beraja
Mematuhi Perlembagaan Negara
dan Undang-undang
Berakhlak mulia dan terpuji**

PEMBACA UTAMA

YANG MULIA AWANG ABDUL QAWIYYEL AZEEZ BIN HAJI ABD. RAJID

Imam/Bilal

Johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran



- ✿ Pemegang Diploma Tertinggi Kebangsaan dalam bidang Komputer di Micronet International College pada tahun 2021.
- ✿ Johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun 2023 dan 2024.
- ✿ Johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Masjid Senegara pada tahun 2015 dan 2023.
- ✿ Peserta Peraduan Azan Sedunia dalam talian dan memasuki pusingan kedua saringan anjuran Kerajaan Arab Saudi pada tahun 2019.
- ✿ Naib Johan Musabaqah Hafazan Al-Quran Peringkat Negara sempena Sambutan Nuzul Al-Quran Kategori A pada tahun 2005.
- ✿ Pelapis Imam/Bilal Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis Madang.
- ✿ Bendahari Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara bagi tahun 2022 hingga tahun 2024.
- ✿ Pengasas kumpulan tausyeh "Firqah Soutos" untuk para pelajar yang mengikut kokurikulum tausyeh siswa di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).
- ✿ Pengasas kumpulan tausyeh "Firqah Al-Anwar" yang telah mendapat tempat ketiga dalam pertandingan tausyeh anjuran Pusat Da'wah Islamiah dan Syarikat Sparkco pada tahun 2020.

PENDAMPING 1

YANG MULIA AWANG MOHAMMAD KHAIRUL HASBULLAH BIN HAJI ANUAR

Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II

Jurulatih Kerjaya Bertauliah

- ✿ Graduan Universiti Brunei Darussalam dalam bidang Environmental Studies pada tahun 2014.
- ✿ Mengadakan konsultasi kepada belia melalui bengkel dan konsultasi bimbingan kerjaya.
- ✿ Menjalankan acara *outreach* untuk mempromosikan program dan inisiatif Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), Jabatan Perdana Menteri melalui acara-acara, taklimat, ceramah, bengkel dan pameran ke institusi dan kumpulan komuniti Negara Brunei Darussalam.
- ✿ Membantu belia-belia dalam pencarian pekerjaan melalui inisiatif PPB seperti Program i-Ready, konsultasi CV, tip temu duga dan peningkatan kemahiran.



PENDAMPING 2

YANG MULIA DAYANG AZRINA BINTI HIDUP

Penolong Pengurus IRC, BEDB

Ahli Persatuan MINDA Youth Movement



- ✿ Graduan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam bidang Human Sciences in Political Science pada tahun 2014.
- ✿ Penolong Pengurus di Hubungannya Antarabangsa dan Kerjasama (International Relations and Cooperation), Pejabat Pengurusan Strategik, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (Brunei Economic Development Board).
- ✿ National Focal Point Brunei Darussalam ke ASEAN Coordinating Committee on MSMEs (ACCMSME) dan bertanggungjawab dalam penyelarasan dan bekerjasama dengan pihak berkepentingan pada peringkat tempatan, ASEAN dan antarabangsa bagi memastikan manfaat kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME).
- ✿ Sukarelawan Projek MINDA Prihatin untuk Hari Raya Al'Aemal Al-Khairiya pada tahun 2023.
- ✿ Ketua Projek MINDA Prihatin: COVID-19 Support Relief – Edulink Initiative, iaitu menyampaikan peranti dan kad SIM kepada 44 pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah di Daerah Belait pada tahun 2021.
- ✿ Wakil Negara Brunei Darussalam dalam One Asia Cultural Ambassador di Filipina pada tahun 2015.
- ✿ Peserta dalam ASIAN Youth Choir Korea-ASEAN Exchange of Cultural Arts and Development Cooperation di Korea Selatan pada tahun 2014.

PASUKAN IKRAR

HARI

BELIA

KEBANGSAAN KE-19, TAHUN 2024



ATUR CARA

8.00 pagi : Para jemputan hadir.

8.30 pagi : Pembesar-pembesar Negara hadir.

9.00 pagi : **Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja.**

: Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam
"Allah Peliharakan Sultan".

: Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

: Sembah Alu-aluan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-19, Tahun 2024.

: Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

: Lafaz Ikrar.

: Tayangan Video dan Persembahan Belia.

: Pengumuman Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2024.

: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung menyempurnakan Pengurniaan Anugerah Hari Belia Kebangsaan Ke-19, Tahun 2024.

: Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam
"Allah Peliharakan Sultan".

- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Hari Belia di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan menerima Pesambah.
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dijunjung bagi Santap.
- : Sesi bergambar kenangan.
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis.
- : Majlis bersurai.

TEMA

HARI BELIA

KEBANGSAAN KE-19, TAHUN 2024

BELIA SIAGA MASA DEPAN

BELIA BERWAWASAN

Belia merupakan salah satu komponen penting dalam memastikan kejayaan pembangunan sesebuah negara dan turut berperanan dalam memastikan Wawasan Brunei dapat dicapai menjelang tahun 2035 dengan mendukung penuh matlamat-matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 – 2035.

“Belia Berwawasan” ditakrifkan sebagai golongan muda yang memiliki visi dan misi luas serta berkebolehan merancang dan melaksanakan strategi yang dapat mendukung kepada pembangunan belia amnya dan negara khususnya.

“Belia Berwawasan” juga dilihat sebagai individu yang proaktif dan berpandangan jauh, serta mempunyai keinginan untuk terus berusaha memajukan diri dan masyarakat, mempunyai idea-idea inovatif yang boleh mengubah landskap ekonomi dan sosial negara. Golongan belia turut berperanan sebagai jentera dalam mendorong pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam yang merupakan salah satu daripada matlamat Wawasan Brunei 2035.

Oleh itu, golongan belia turut mempunyai kemampuan untuk melihat potensi masa hadapan, merancang dan mengatur tindakan serta mempunyai komitmen yang tinggi terhadap pembangunan keperibadian dan kesejahteraan komuniti.

Sebagai golongan belia yang sering menjadi pemimpin inspiratif kepada belia lainnya, “Belia Berwawasan” perlu berani menghadapi cabaran dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan. Melalui ciri-ciri ini, secara tidak langsung Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 – 2035 dapat dilaksanakan secara efektif demi mencapai pembangunan mampan dan berperanan penting dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

EMPAT FOKUS UTAMA

Pameran Hari Belia Kebangsaan Ke-19, Tahun 2024

Ilmu dan Kemahiran

Mempamerkan dan menonjolkan organisasi-organisasi yang menawarkan pelbagai program dan platform untuk meningkatkan serta menjana kemahiran para belia khususnya dalam bidang kajian berimpak tinggi, teknovasi dan industri kreatif. Dengan inisiatif ini, kluster ini bukan sahaja meningkatkan kompetensi belia tetapi juga memperlihatkan kebolehan para cendekiawan muda Brunei yang berpotensi besar dalam menyumbang kepada kebolehpasaran pekerjaan. Hal ini amat penting untuk mendukung Wawasan Negara 2035 kerana ia memastikan bahawa tenaga kerja masa hadapan adalah berdaya saing dan berkemahiran tinggi, selaras dengan visi negara untuk mencapai kemajuan yang mampan.

Kualiti Hidup yang Tinggi

Mempromosikan program dan projek belia yang telah berhasil dan berjaya membantu pelbagai lapisan masyarakat termasuk Orang Kelainan Upaya (OKU). Fokus utama adalah dari aspek penyediaan perkhidmatan gaya hidup sihat, perlindungan sosial dan penjagaan alam sekitar. Dengan menonjolkan kejayaan-kejayaan ini, kluster ini bukan sahaja memperlihatkan impak positif yang dicapai tetapi juga menginspirasi generasi muda untuk terus berinovasi dan berbakti kepada masyarakat. Inisiatif-inisiatif ini adalah bukti komitmen belia terhadap pembangunan secara inklusif sekali gus memperkuh usaha negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Pembangunan Mampan

Membarigakan sumbangan dan pencapaian belia dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan mampan sejajar dengan matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035, iaitu mewujudkan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Inisiatif ini merangkumi pelbagai usaha belia dalam mengurangkan kadar pengangguran di negara ini serta memacu inovasi dan keusahawanan. Dengan menampilkan peranan penting belia dalam ekonomi negara tetapi juga menggalakkan penyertaan aktif mereka dalam membentuk masa hadapan yang lebih cerah untuk negara.

Projek Cemerlang untuk Belia

Mempamerkan tiga Projek dan dua Pemenang Projek yang lalu bagi kategori Projek Cemerlang untuk Belia. Projek yang dipilih merupakan contoh terbaik kreativiti, inovasi dan komitmen para belia dalam membina masyarakat yang lebih inklusif dan progresif. Projek-projek ini mencerminkan dedikasi yang tinggi dalam menyokong Wawasan Brunei 2035 dan mendukung nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB). Selain itu, dua Pemenang Projek yang lalu akan turut dipamerkan untuk menghargai pencapaian mereka yang luar biasa dalam kategori Projek Cemerlang untuk Belia.

TROFI ANUGERAH
**HARI
BELIA**
KEBANGSAAN



PERLAMBAANGAN TROFI

Trofi Anugerah Hari Belia Kebangsaan yang diperkenalkan pada tahun 2016 merupakan arca moden (*modern sculpture*) menggambarkan belia yang terus dinamik dalam menyahut cabaran kehidupan masa hadapan dan meneruskan pembangunan yang mampan. Pangkal (*base*) trofi ini berbentuk bahtera belayar menggambarkan para belia yang berperanan, dan tetap bersemangat menyahut seruan dalam membangun bangsa dan negara. Bentuk sebelah atas menunjukkan belia yang bersedia menanai hasrat Wawasan Brunei 2035.



Belia ialah tunas bangsa umpama benih yang dipelihara dengan baik dan sempurna. Sebelah atas bertunas menjadi pohon yang subur dan cantik, (warganegara yang mantap dan berjaya) manakala sebelah bawah benih yang akan berakar umbi dengan kekuatan (ketahanan identiti dan budaya bangsa).



Abjad 6 melambangkan enam bidang dalam Strategi Dasar Belia Negara – Pendidikan Perkembangan Diri; Pekerjaan dan Latihan Belia; Kepimpinan; Daya Usaha; Persefahaman Antarabangsa; dan Perkhidmatan kepada Orang Lain dan Negara.



Layar Bahtera dan Kain Tenunan Brunei sebagai lambang belia yang berwawasan dan berjaya memiliki nilai teras orang Brunei dan menjadikan warisan budaya sebagai asas pembangunan diri, persatuan dan negara.



Bahtera melambangkan negara sebagai pasak kepada pembangunan belia yang maju dan dinamik. Bagi bahtera dapat belayar ke destinasi memerlukan kemudi dan pandu arah. Begitu halnya dengan belia yang memerlukan panduan dan hala tuju untuk memastikan mereka mampu menyambung atau memangkin agenda pembangunan bangsa dan negara.

CALON-CALON
ANUGERAH
**HARI
BELIA**
KEBANGSAAN KE-19, TAHUN 2024

BELIA CEMERLANG

Diberikan kepada belia yang berjaya mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang.

BELIA BERKHIDMAT

Diberikan kepada belia yang banyak menyumbang khidmat sukarela kepada negara dan masyarakat.

PEMIMPIN MUDA BELIA

Diberikan kepada muda belia yang cemerlang dalam kepimpinan.

PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

Diberikan kepada projek yang dilaksanakan oleh golongan belia dan seterusnya projek berkenaan memberikan impak yang positif kepada negara dan masyarakat.

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2024

BELIA CEMERLANG

Bil.	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Dr. Muhammad Nuriskandar bin Mohd. Hasnan	Persendirian
2	Dayang Nor Surilawana binti Haji Sulaiman	Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
3	Dayang Fatin Afiqah binti Md. Asrul Saniy	Parabelle Studios
4	Dayang Sarinah binti Ziziumiza	Google Developer Group (GDG)
5	Awang Nurhazmie bin Haji Razali	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Nadi Al-Qawi Al-Amin ▪ Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah ▪ Akademi Panggung Sri Utama ▪ Persatuan Bahasa Arab Brunei Darussalam ▪ Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam
6	Dayang Rabi'atul 'Adawiyah Zunnurain binti Haji Terudin	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam ▪ Young Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI) Brunei
7	Dayang Nordiyana binti Mohamed Harney	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Young Entrepreneurs Association Brunei (YEAB) ▪ Brunei Mentors for Enterprenuers Network (BMEN) ▪ Brunei's Academy of Women Enterprenuer
8	Dayang Basma Lachkar	Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam
9	Dayang Farhah Syahirah binti Mohamad Shamrin	Persekutuan Karate-Do Negara Brunei Darussalam
10	Awang Abdul Aziz bin Haji Harun	Persendirian

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2024

BELIA BERKHIDMAT

Bil.	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Dayang Nurhudiya Fakhriah binti Haji Damit	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sukarelawan Belia ▪ Project & Volunteer Coordinator, Hand4handbn ▪ Ahli Takmir Masjid Kampung Bunut
2	Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei ▪ Young Entrepreneurs Association Brunei
3	Awang Md. Haziq Hisyam bin Md. Zaki	Al Muyassar Group - Nadi Qurannic LC (Daerah Belait)
4	Dayang Hajah Norajleen Uminatul Hafizan binti Haji Alimas	Cureheart Company

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2024

PEMIMPIN MUDA BELIA

Bil.	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Awang Iswandy bin Ahmad	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Brunei Young Leaders Convention ▪ Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam ▪ Alumni Majlis Universiti Brunei Darussalam
2	Dr. Deeni Rudita bin Idris	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sukarelawan YSHHB – Projek Amal Memeduli Warga Emas dan Keluarga yang Memerlukan Bantuan (PAWEK) ▪ Projek Komuniti Take-A-Break kerjasama Universiti Brunei Darussalam dan Brunei Methanol Company ▪ Projek Komuniti Mental Health Awareness and Stress Management ▪ Projek Komuniti TEGAS/Wise & Well ▪ Projek Kemasyarakatan Safehike 2020
3	Dayang Ainaafaridah binti Hamdan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ United States Association ▪ The Brunei–U.S Association (BUSA)
4	Awang Haji Ahmad bin Haji Abas	Persatuan Pelajar Majlis Perwakilan Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)
5	Dr. Haji Muhammad Assyafie Hanif bin Abd. Rahman @ Chung Thien Siong	Universiti Brunei Darussalam (UBD)
6	Awang Mohammad Ashmeer Imtiaz Ahmad	Sukarelawan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS)
7	Awang Muhammad Zulhelmi Hashim bin Jainudin	Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)
8	Awang Abdul Khabir bin Dato Paduka Zainidi	Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan
9	Dayang Amy Cheong Sui Ying	Relentless Entertainment
10	Awang Mohammad Abdul Aziz bin Haji Mohd. Ali	Brand Designer - Syensai
11	Awang Hafriz Fayadh bin Haji Musa	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Brunei APEC Business Advisory Council (ABAC) ▪ Young Entrepreneurs Association Brunei Darussalam (YEAB)

12	Dayang Nurul Aqilah binti Zakaria	Nadi Al-Qawi Al-Amin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)
13	Awang Haji Muhammad Zuwaini bin Haji Aliyani	Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei
14	Awang Mohamad Adi Hamdi bin Haji Aminuddin	Kelab Komuniti Belia Transformasi Pusat Belia (KKBT)
15	Dayang Nur Hafizah binti Haji Awang Mohidin	Persatuan Pandu Puteri Daerah Belait

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2024 PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

Bil.	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi	Nama Projek
1	Awang Mohamad Akmal Marhain bin Umar	Marhain Entertainment	Syarikat Al-Imam (The Movie)
2	Dayang Hajah Hairul Ezza binti Md. Kairul Anwar	As-Sehha Group	Brunei's 1 st Yeggoo Pasteurized Eggs
3	Awang Haji Mohammad Zulfan Farhi bin Haji Sulaini	Student Wellness: Mental Health Book	Joint Initiative for the Wellbeing of All (JIWA): Student Mental Wellness ebook
4	Awang Mohammad Nur Adil bin Haji Harddy Hisysham	Brunei Young Leaders Convention 2023	Brunei Young Leaders Convention 2023
5	Dayang Nornaqibah binti Abdul Hamid	Lamin Warisan Enterprise	Lamin Warisan
6	Awang Mohd. Khairul Hazmi bin Haji Munir	Bersih Solutions	Bersih Solutions
7	Awang Mohd. Khairul Hazmi bin Haji Munir	Syarikat Skyvision	Syarikat Skyvision

TEMA-TEMA
**HARI
BELIA
KEBANGSAAN**



2010

**KEUSAHAWANAN PEMANGKIN
BELIA BERDIKARI**

21 Syaaban 1431
2 Ogos 2010

2011

**BELIA BERKREATIF DAN
BERINOVASI**

27 Syawal 1432
26 September 2011

2012

**BELIA SYUMUL
HARAPAN NEGARA**

20 Zulkaedah 1433
6 Oktober 2012

2013

**BELIA MENUJU
WAWASAN**

16 Muharam 1435
20 November 2013

2014

**BERSATU MENGHADAPI
CABARAN ABAD KE-21**

8 Zulkaedah 1435
3 September 2014

2015

**BELIA BERWAWASAN
MENJANA EKONOMI**

17 Zulkaedah 1436
1 September 2015

2016

**BELIA BERWAWASAN
PEMANGKIN TRANSFORMASI**

3 Safar 1438
3 November 2016

2017

**BELIA BERDAYA USAHA DAN
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA**

8 Zulkaedah 1438
1 Ogos 2017

2018

BELIA PEMACU BRUNEI MAJU

19 Zulkaedah 1439
1 Ogos 2018



2019 – 2020 – 2021 – 2022 – 2023

BELIA SIAGA MASA DEPAN

2 Zulkaedah 1440
3 Ogos 2019

Sambutan
ditiadakan

27 Zulhijah 1442
7 Ogos 2021

11 Muharam 1444
9 Ogos 2022

14 Muharam 1445
1 Ogos 2023

LIRIK LAGU

HARI BELIA

KEBANGSAAN KE-19, TAHUN 2024

Suara Kita

Langit gelap
Takkan hentikan
Langkah kaki yang penuh harapan

Tak pernah kalah
Tak pernah lelah
Kita tak akan menyerah

Kita jiwa
Satu dunia
Terus melangkah
Dengan impian

Membina harapan
Kita ... juara ...

Tetap berdiri
Tetap berjuang
Mengukir cerita
Cerita kejayaan kita
Mencipta sejarah

Kita jiwa
Satu dunia
Terus melangkah
Dengan impian

Suara kita
Sinar harapan
Bersama

Terbang tinggi ke angkasa
Bersama kita bina
Terus melangkah kejarlah mimpi
Dengan harapan di hati

Tak pernah kalah
Tak pernah lelah
Tak akan menyerah

Semangat perjuangan
Yang penuh harapan

Kita jiwa
Satu dunia
Terus melangkah
Dengan impian

Suara kita
Sinar harapan
Bersama
Kita mendunia (ulang dua kali)

Kita jiwa
Satu dunia
Tetap melangkah
Dengan impian
Belia kita
Belia harapan

Lirik: **Hafiz Salim dan Izyan Husny**
Komposer: **Hafiz Salim**

IMBASAN

HARI

BELIA

KEBANGSAAN KE-18, TAHUN 2023





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 1 Ogos 2023.









**Bacaan Ikrar Belia diketuai oleh
Yang Mulia Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki
Johan Pertandingan Musabaqah Tilawah Al-Quran
Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun 2023.**

PENGURNIAAN ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2023



Penerima Anugerah Belia Cemerlang
Dr. Andery Lim



Penerima Anugerah Belia Berkhidmat
Awang Mohammad Ashmeer Intiaz Ahmad

PENGURNIAAN ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2023



**Penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia
Awang Mohammad Arif bin Abdul Hadi**



**Penerima Projek Cemerlang Untuk Belia
Seacage Fish Farming (Fatih Aquaculture) and Child Care Centre (Alya Playhouse)**

PENGURNIAAN ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2023



**Penerima Anugerah Pengiktirafan Khas
Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhin**

YANG MULIA DR. ANDERY LIM

Penerima Anugerah Belia Cemerlang bagi tahun 2023 ialah Yang Mulia Dr. Andery Lim. Beliau bertugas sebagai Pegawai Pelajaran di Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Pendidikan. Memiliki dedikasi yang tinggi dalam bidang sains dan teknologi, beliau sering diundang sebagai penceramah dan moderator dalam beberapa persidangan pada peringkat antarabangsa.

Beliau juga telah menerbitkan 15 artikel yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa dan meraih 589 petikan (*citation*) dalam 418 dokumen berkaitan dengan sains dan teknologi. Kegigihan dan komitmen beliau menerajui bidang sains dan teknologi ini melayakkan beliau sebagai anak Brunei pertama yang menerima pengiktirafan Outstanding ASEAN Science Diplomat, The 3rd ASEAN Science Diplomat Assembly pada tahun 2019 dan Fellow of ASEAN Science and Technology. Beliau turut menerima pengiktirafan sebagai Ahli Lembaga Editorial, International Journal of Sustainable and Green Energy, Science Publishing Group, New York, Amerika Syarikat.

Selain aktif menyertai program-program antarabangsa, beliau turut mengadakan beberapa kursus pendidikan yang memberikan kefahaman kepada penuntut sekolah dengan menerapkan kaedah pembelajaran Science, Technology, Environment and Mathematics (S.T.E.M). Sehingga kini, beliau berjaya melibatkan seramai lebih 20,000 orang penuntut dalam program yang beliau jalankan, menjadi penyelia kepada lebih 50 orang penuntut *intern* dan mentor kepada 11 orang mahasiswa peringkat ijazah dan lepasan ijazah.



BELIA CEMERLANG

YANG MULIA AWANG MOHAMMAD ASHMEER IMTIAZ AHMAD

Penerima Anugerah Belia Berkhidmat bagi tahun 2023 ialah Yang Mulia Mohammad Ashmeer Imtiaz Ahmad. Beliau mempunyai dedikasi yang cukup tinggi dalam kerja-kerja kebelaian, kepimpinan, kesukarelawan dan kemasyarakatan. Sumbangan dan bakti beliau terserlah semasa beliau berkhidmat sebagai Pegawai i-Ready di Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta dilantik selaku Ketua Bahagian Masjid, Pencen, Majlis Rasmi dan Individu Kuarantin Rumah di bawah pergerakan Sukarelawan Belia COVID-19.

Semasa negara dilanda penularan wabak COVID-19, keprihatinan beliau terhadap masyarakat yang memerlukan ditambah dengan situasi tekanan kekurangan tenaga kerja dan sukarelawan bertugas dalam pengagihan catuan makanan, beliau tampil ke hadapan mengambil alih tugas untuk mengendalikan dan menggerakkan pengagihan catuan makanan di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait dan Daerah Temburong. Dengan kepimpinan dan usaha gigih beliau ini, beliau telah berjaya membantu menghantar catuan makanan kepada lebih 430,000 orang individu, iaitu lebih daripada 101,000 buah rumah dengan mencapai 2,670 buah rumah sehari.

Sehingga kini, beliau terus aktif menjalankan misi kesukarelawan terutama dalam kerja-kerja memberikan khidmat bantuan sukarelawan.

Memegang jawatan selaku Ahli Pasukan Teras dan Mentor di bawah Young Professionals Network, beliau juga telah berusaha membangun para belia di negara ini dengan memberikan ruang kepada belia-belia berinteraksi dengan pemimpin-pemimpin pada peringkat tinggi menerusi platform Youth Town Hall dan Youth Forum Brunei.



BELIA BERKHIDMAT

YANG MULIA AWANG MOHAMMAD ARIF BIN ABDUL HADI

Penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia bagi tahun 2023 ialah Yang Mulia Awang Mohammad Arif bin Abdul Hadi. Beliau memegang pelbagai jawatan di Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dan bertugas di Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan. Beliau merupakan seorang pemimpin muda yang telah berbakti kepada pergerakan beruniform yang dianggotainya sejak di bangku sekolah sehingga sekarang.

Sepanjang keanggotaan beliau dalam Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, pelbagai jawatan dipegang pada peringkat Pesuruhjaya dan sekarang beliau merupakan Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap. Pada masa yang sama, beliau turut memegang jawatan Pesuruhjaya Program Belia.

Antara kejayaan beliau ialah memimpin keahliannya untuk menganjurkan program bertaraf ASEAN, iaitu 1st ASEAN Rover Moot Brunei Darussalam pada tahun 2018. Atas jasa, keaktifan dan kecemerlangan beliau dalam persekutuan ini, beliau telah menerima beberapa pengiktirafan baik dari dalam mahupun luar negara seperti Pingat Jasa Kebaktian Pengakap, Pingat Jasa Cemerlang Pengakap, Anugerah Baden Powell, Ahli Association of Top Achiever Scouts Asia Pacific Region, Anugerah Manik Kayu dan Anugerah Pingat Peringatan 100 Tahun Berpengakap di Sarawak. Selama 22 tahun terlibat dalam Pengakap, beliau berjaya memimpin seramai lebih 1,000 orang belia dan kanak-kanak.



PEMIMPIN MUDA BELIA

SEACAGE FISH FARMING (FATIH AQUACULTURE) DAN CHILD CARE CENTRE (ALYA PLAYHOUSE)

Penerima Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia bagi tahun 2023 ialah Seacage Fish Farming (Fatih Aquaculture) dan Child Care Centre (Alya Playhouse). Penerima bagi anugerah ini merupakan projek yang mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu menjadikan ekonomi negara yang dinamik dan mampan dengan meningkatkan produk perikanan dan mempraktikkan sistem pengeluaran makanan yang berdaya tahan.

Dengan menggunakan Kaedah Sea Cage Farming, kebun ternakan ikan yang terletak di persisiran pantai Pulau Kaingaran ini berjaya meraih 50 buah sangkar dengan jumlah penternakan ikan Tilapia Merah dan Selungsung mencapai 500-600 kilogram sebulan. Setelah setahun beroperasi, projek ini juga berjaya membekalkan sebanyak 5,869 ekor ikan kepada 13 buah restoran, stor perniagaan dan 509 orang individu.

Selain mengendalikan projek akuakultur, projek ini juga memberikan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak dengan membuka sebuah pusat penjagaan bagi kanak-kanak di bawah umur lima tahun. Pusat penjagaan kanak-kanak ini menyediakan pelbagai aktiviti pembelajaran termasuk ilmu asas Islam. Bermula dengan satu cawangan pada tahun 2020, sekarang pusat ini mempunyai dua cawangan dengan lebih 100 orang kanak-kanak berdaftar dan 24 orang pekerja tempatan. Atas permintaan yang amat menggalakkan, projek ini dalam proses membuka cawangan ketiga di Daerah Brunei dan Muara.



PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

YANG MULIA DAYANG NURUL HUDA BINTI AWANG HAJI MUHIN

Penerima Anugerah Pengiktirafan Khas bagi tahun 2023 ialah Yang Mulia Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhin. Anugerah ini diberikan bagi mengangkat dan menyuntik semangat belia Orang Kelainan Upaya yang turut sama memberikan sumbangan kepada masyarakat di negara ini termasuk mempelbagaikan ekonomi negara, kepimpinan dan sukarelawan. Beliau merupakan seorang yang aktif dalam kerja-kerja kepimpinan, perkhidmatan dan kesukarelawanan, malah sering dijemput selaku pembentang dan peserta bengkel, kursus dan taklimat pada peringkat antarabangsa.

Beliau merupakan wanita pertama dan termuda yang dilantik menjadi Ketua Pentadbiran di organisasi beliau dengan menyelia kira-kira 50 orang kakitangan dan lebih 300 orang pelajar berkelainan upaya. Sepanjang dilantik sebagai Pengerusi Bersama dalam pengendalian pelbagai aktiviti amal bagi Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dari tahun 2018 hingga tahun 2020, beliau berjaya mengutip lebih daripada BND150,000.00 untuk pusat tersebut. Beliau juga orang Brunei pertama berkelainan upaya yang terpilih bagi mengikuti Program Young Southeast Asian Leaders Initiative Professional Fellowships selama enam minggu di Amerika Syarikat pada tahun 2019.

Sebagai pengiktirafan beliau selaku Advokat Belia berkelainan Upaya, beliau dikurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.) pada tahun 2022. Atas usaha gigih tersebut, beliau juga diberikan *mini-grant* berjumlah USD2,700.00 oleh University of Montana, Amerika Syarikat pada tahun 2020 untuk melaksanakan projek di Negara Brunei Darussalam. Sumbangan dan keaktifan beliau yang cemerlang ini membuktikan bahawa orang kelainan upaya juga mampu memimpin, berjaya dan memberikan inspirasi.



**PENGIKTIRAFAN
KHAS**





PESAMBAH “PENERAJU NEGARA”

Karya seni “Peneraju Negara” direka oleh empat orang belia kreatif yang berbakat dalam industri seni abstrak dan reka bentuk yang merangkumi ilustrasi digital, lukisan, pertukangan dan gerakan grafik. Mereka ialah Yang Mulia Dayang Noor Fitriah Hafizah binti Mohd. Hassan (Ketua), Yang Mulia Awang Mohammad Abdul Azim bin Bahar, Yang Mulia Awang Mohamad Aklil Mutahhar bin Haji Zainuddin dan Yang Mulia Awang Muhammad Iman Khairi bin Haji Mohd. Sapie.

Sinopsis

Pesambah ini merepresentasikan perjuangan para belia yang bekerja keras, bajarih dan bakarih sebagai satu pasukan yang diibaratkan seperti belia berada di dalam sampan yang bergerak maju ke hadapan.

Gelombang pula melambangkan belia yang cukup berani dalam menempuh segala rintangan, cabaran globalisasi dan Revolusi Industri 4.0 sejajar dengan perjuangan mereka membentuk masa hadapan yang cerah di samping mengupayakan kemajuan negara serta merealisasikan Wawasan Belia dan Wawasan Brunei 2035. Manakala, belia siaga masa depan menjadi tulang belakang negara yang cekal dan teguh di bawah naungan sultan dengan berpegang kepada falsafah Melayu Islam Beraja, berbudaya serta memastikan warisan tradisi terus dipelihara dan diamalkan.

Corak-corak yang terdapat pada rekaan ini pula diinspirasi daripada corak kebruneian, iaitu Bunga Menjalar, Bunga Cengkih dan Bunga Simpur. Bunga Menjalar melambangkan kemajuan proaktif ke arah mencapai matlamat, Bunga Cengkih menunjukkan keagungan dan teras agama Islam manakala Bunga Simpur pula menggambarkan kemampuan para belia berinovasi dan berdaya saing.



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mur'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja bersama
Penerima-penerima Anugerah Belta Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023.**



PAMERAN
**HARI
BELIA**
KEBANGSAAN KE-18, TAHUN 2023











سمبوتن هاري بليا كبشسان

SAMBUTAN **HARIBELIA** KEBANGSAAN KE-18, 2023



ACARA-ACARA SAMPINGAN

**Majlis Membaca Surah
Yaasin dan Tahlil Di
Kubah Makam Diraja**

6 Muharam 1445
24 Julai 2023

**Majlis Doa Kesyukuran
Di Masjid Mohamed
Bolkihah, Kampung
Serusop**

10 Muharam 1445
27 Julai 2023

**14 MUHARAM 1445
1 OGOS 2023**

Pusat Persidangan
Antarabangsa,
Berakas



SIDANG MEDIA



MAJLIS MEMBACA SURAH YASIN DAN TAHLIL





MAJLIS DOA KESYUKURAN







Belia Siaga Masa Depan

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 10 Muharram 1445H/28 Julai 2023M



BELIA

- Aset yang amat berharga
- Tonggak dan kekuatan masa depan bagi sesebuah negara
- Amat digalakkan golongan belia dan tua bersatu hati dalam membina dan membangun kemajuan belia di negara ini

Untuk melahirkan belia Brunei yang comelang, antara ciri yang perlu dimiliki oleh setiap belia ialah:

BEPIRAWIS



Maksud:

Bersikap sopan tentang percakapan; biasanya di hadapan orang tua-tua, orang atasan dan lain-lain

Strategi untuk mempersiapkan belia siaga masa depan merupakan tanggungjawab bersepadu antara pihak:

- Kerajaan
- Swasta
- Pertubuhan Awam (NGO)

Sebagai agenda utama dalam pembangunan negara

APA YANG BOLEH KITA BUAT?

Belia haruslah:

- Menghargai dan menggunakan usia dan masa dengan sebaik-baiknya
- Menerima sebarang nasihat orang tua dan mengambil iktibar perkara yang baik
- Dididik dan diberikan bimbingan yang betul dan sempurna
- Dibentuk dan dipersiapkan dengan tarbiah, nilai-nilai dan kefahaman Islam sejak dari kecil lagi





**DASAR
BELIA NEGARA
DAN STRATEGI
2020-2035
DAN PELAN TINDAKAN 2020-2024**



WAWASAN BELIA

Belia Berakhlak Mulia Bertaraf Dunia dan Agen Siaga Perubahan Masa Hadapan dalam Semua Pembangunan Negara Secara Inklusif.



BELIA

UMUR

15 TAHUN – **35** TAHUN

PEMIMPIN BELIA

TIDAK LEBIH DARI 45 TAHUN

MENTOR BELIA

TIDAK DIKENAKAN BATAS UMUR



4

MATLAMAT DASAR BELIA NEGARA

- 1 BERAKHLAK MULIA
- 2 BERTARAF DUNIA
- 3 AGEN SIAGA PERUBAHAN MASA HADAPAN
- 4 PEMBANGUNAN NEGARA SECARA INKLUSIF

4 STRATEGI TERAS | 16 INISIATIF DASAR

2 BUDAYA PERPADUAN

- 2 Untuk meningkatkan penghayatan dan dukungan terhadap MIB bagi memupuk patriotisme dan perpaduan nasional.
- 3 Semua belia termasuk belia yang mudah terdedah (kepada bahaya dll) diberi peluang yang sama dalam pendidikan, guna tenaga dan partisipasi untuk menggalakkan pembangunan menyeluruh.
- 4 Untuk meningkatkan pengintegrasian semua belia termasuk belia yang mudah terdedah (kepada bahaya dll), dengan institusi-institusi sosial yang sedia ada (ekonomi, kerajaan, masyarakat dan amalan budaya).
- 5 Menggalakkan kesukarelawanan untuk meningkatkan pengintegrasian masyarakat dan semangat kekitaan dengan meluaskan peluang-peluang perkhidmatan sukarela.

4 PEMERKASAAN BELIA

- 11 Menubuhkan mekanisme maklum balas formal antara belia dengan kerajaan.
- 12 Menggalakkan belia meningkatkan peranan kepemimpinan.
- 13 Mengembangkan aktiviti riadah, sukan, rekreasi, dan industri kreatif kebeliaan.
- 14 Menggalakkan kecemerlangan dalam kesukarelawanan, komuniti dan pencapaian-pencapaian profesional.
- 15 Mengukuhkan program pendidikan pencegahan untuk gaya hidup yang lebih sihat dan kesedaran keselamatan diri.
- 16 Menggalakkan peningkatan kerjasama dan pertukaran organisasi belia di peringkat serantau dan antarabangsa.

1 KERJASAMA SELURUH NEGARA

- 1 Menubuhkan badan kebangsaan merentas sektor yang berkuasa melaksanakan DBNS 2020-2035.

3 PENDIDIKAN, KEMAHIRAN, KEBOLEHAMBILAN KERJA DAN PEKERJAAN WAJAR (DECENT WORK)

- 6 Untuk mengenal pasti dan merancang potensi pekerjaan dan kemahiran serta pengetahuan yang diperlukan untuk masa hadapan termasuk Revolusi Industri Ke-4 untuk mengurangkan kadar pengangguran dan kurang penggunaan tenaga kerja.
- 7 Untuk mengenal pasti dan menggalakkan struktur kerja dan budaya kerja alternatif masa hadapan yang bersesuaian.
- 8 Memperluaskan laluan pendidikan tertiar dan tinggi ke kadar minimum kumpulan belia yang relevan untuk mencapai kemasukan besar-besaran dan universal.
